



TAWARAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN SIFAR UJRAH TAHUN 2025 SEKSYEN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH

Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (SPPNK) mempelawa **Anak-Anak Kedah** yang berkeelayakan dan memenuhi syarat-syarat berikut untuk memohon Pembiayaan Pendidikan SPPNK bagi **Sesi Pengajian 2025/2026**.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	KETERANGAN	
SYARAT UMUM	1. Pemohon adalah bertaraf WARGANEGARA MALAYSIA. 2. Pemohon ATAU ibu / bapa LAHIR di Negeri Kedah DAN BERMASTAUTIN SERTA MENETAP di Negeri Kedah SEKURANG-KURANGNYA 2 TAHUN (Mengikut alamat pada surat tawaran IPT). 3. Pemohon mempunyai kesihatan yang baik. SPPNK berhak untuk meminta apa-apa dokumen tambahan sekiranya perlu. 4. Pemohon tidak menerima bantuan / tajaan kewangan dari mana-mana agensi. 5. Ibu / Bapa / Penjaga tidak disenarai hitam / dalam tindakan undang-undang oleh SPPNK.	
PERINGKAT PENGAJIAN	6. Permohonan dibuka untuk pelajar TAHUN PERTAMA (SEMESTER 1 DAN SEMESTER 2) KEMASUKAN BAHARU KE IPT TAHUN 2025 SAHAJA dan telah membuat pengesahan pengajian. 7. SIJIL / DIPLOMA / IJAZAH SARJANA MUDA PERTAMA secara SEPENUH MASA dalam negara. 8. Pengajian ke peringkat Sijil Vokasional Malaysia (SVM) / STPM / TVET / Asasi / Matrikulasi / Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) / Ijazah Sarjana (Master) / Doktor Falsafah (PhD) TIDAK LAYAK MEMOHON.	
SENARAI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI YANG TERPILIH	9. SEMUA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM dan INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA TERPILIH SAHAJA:  Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS);  <i>Asian Institute of Medicine, Science and Technology</i> (AIMST);  Universiti Islam Melaka (UNIMEL);  Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK);  <i>University College TATI</i> (UC TATI);  Universiti Selangor (UNISEL); dan  Institut Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia sahaja.	
KADAR PEMBIAYAAN	 SIJIL RM 3,000.00 setahun  DIPLOMA (IPTA / IPTS lain) RM 5,000.00 setahun  DIPLOMA (UniSHAMS) RM12,000.00 setahun  IJAZAH SARJANA MUDA (IPTA / IPTS lain) RM 7,000.00 setahun  IJAZAH SARJANA MUDA (UniSHAMS) <i>(Ijazah Sarjana Muda Pembedahan & Perubatan tidak layak memohon)</i> RM14,000.00 setahun	

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	KETERANGAN
KAEDAH PERMOHONAN	1. Permohonan adalah secara dalam talian (online) sahaja melalui laman web rasmi SPPNK: sppnk.kedah.gov.my pada 11 Ogos hingga 15 September 2025 (tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa). Hebahan adalah melalui laman web rasmi Kerajaan Negeri Kedah: kedah.gov.my dan sppnk.kedah.gov.my
PERINGATAN	2. Permohonan yang TIDAK LENGKAP / TIDAK MEMENUHI SYARAT-SYARAT / maklumat yang dikemukakan didapati tidak benar tidak akan dipertimbangkan. SPPNK berhak MENOLAK dan membatalkan permohonan tersebut. 3. Pemohon perlu memuat naik salinan dokumen sokongan yang JELAS dan telah DIAKUI SAH oleh: - Pegawai dalam Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman (Majistret / Pegawai Undang-Undang); atau - Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kumpulan "A") (Pegawai Daerah / Penolong Pegawai Daerah / Penolong Setiausaha / Penolong Pengarah / Pengetua Sekolah / Guru Besar); atau - Pesuruhjaya Sumpah yang berkhidmat di Mahkamah; atau - Penghulu Mukim Negeri Kedah. 4. Tarikh semakan keputusan permohonan akan diumumkan dari semasa ke semasa melalui laman web rasmi SPPNK: sppnk.kedah.gov.my. Pemohon akan dimaklumkan melalui e-mel sama ada permohonan berjaya atau sebaliknya. 5. Keputusan permohonan adalah MUKTAMAD. 6. Bagi permohonan yang BERJAYA, pemohon DIWAJIBKAN menghantar salinan cetak (<i>hard copy</i>) semua dokumen sokongan yang telah dimuat naik dalam sistem bersama dokumen perjanjian. 7. Sila hubungi Unit Penajaan (iPinjam) SPPNK, Cik Nisrin Izzati binti Samsuddin di talian 04-702 7291 / 7296 atau e-mel sppnk.kedah.gov.my / nisrinizzati@kedah.gov.my untuk sebarang pertanyaan lanjut.
DOKUMEN SOKONGAN YANG WAJIB DIMUAT NAIK SEMASA MEMOHON	- Salinan Kad Pengenalan Pemohon; - Salinan Sijil Kelahiran Pemohon; - Salinan Kad Pengenalan Ibu DAN Bapa / Penjaga; - Sijil Pengangkatan Anak Angkat (<i>jika berkaitan</i>); - Salinan Slip Gaji Ibu DAN Bapa / Penjaga; (Slip Gaji / Penyata Pesara / Borang Pengesahan Pendapatan - BPPSPPNK/08 <i>sekiranya tiada slip gaji / tiada pekerjaan / surirumah</i>) - Salinan Sijil SPM / SVM; - Salinan Sijil STPM / STAM / Matrikulasi / Asasi / Sijil / DVM / Diploma (<i>jika berkaitan</i>); - Salinan Sijil Berhenti Sekolah; - Salinan Sijil Kokurikulum (<i>pencapaian tertinggi sahaja</i>); - Salinan Surat Tawaran Pengajian daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT); - Salinan Surat Pengesahan Pendaftaran / Resit Bayaran Pendaftaran Kemasukan ke IPT; - Borang Pengesahan Bermastautin oleh Penghulu Mukim / Imam Kariah Negeri Kedah (BPPSPPNK/10)